



LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

HM 17/10/23 p 6

'Warga asing mampu jadi pengurus kelab'

Kuala Lumpur: Isu ke-masukan warga asing yang tidak terkawal ke Malaysia boleh dilihat menerusi serbuan di empat premis hiburan milik warga asing di Kompleks Wilayah di sini, kelmarin dengan pemeriksaan mendapati daripada pengurus sehinggalah pelayan pelanggan (GRO), hampir semuanya warga Bangladesh.

"Kita dapati pengurus dan penolong pengurus serta pekerja pusat hiburan ini warga Bangladesh dan pelanggan juga majoritinya dari Bangladesh.

"Mereka ini sudah jadi pengurus, jadi penolong pengurus, jadi GRO dan jadi pelanggan kepada tempat mereka sendiri (pusat hiburan diuruskan warga asing," kata Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) (Siasatan/Perundangan) Bukit Aman Datuk Rusdi Mohd Isa, semalam.

Rusdi berkata, semakan mendapati semua premis hiburan itu ada lesen sah dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kita percaya semua pihak berkuasa berkaitan ada buat pemeriksaan daripada semasa ke semasa.

"Ini termasuk pemeriksaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi

"Kita dapati pengurus dan penolong pengurus serta pekerja pusat-pusat hiburan ini adalah warga Bangladesh dan pelanggan juga majoritinya dari Bangladesh"

yang terletak berhampiran dengan Kompleks Wilayah.

"Justeru, kita mahu semua pihak berkuasa, termasuk polis buat peman-tauan atas salah laku dan pelanggaran syarat lesen perniagaan," katanya.

Beliau berkata, operasi dilakukan untuk mem-bendung pembabitkan warga asing dalam kegiatan pusat hiburan.

"Ia kerana, pada masa ini, kita dapati ramai menjadi pengurus, pekerja dan pelanggan terutama dalam serbuan ini.

"Operasi ini juga memberi fokus melaksanakan *National Guideline Of Human Trafficking Indicators*' (NGHTI) 2.0 bagi mengesan jika ada warga asing menjadi mangsa pemerdagangan orang iaitu eksploitasi buruh paksa," katanya.

Menurutnya, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut mengenai kewujudan sebarang unsur pemerdagangan orang terutama mem-babitkan GRO yang diperiksa dalam operasi itu.

"Setakat ini, kita dapati mereka semua ada dokumen perjalanan sah. Namun pada masa sama, kita buat semakan lanjut dengan Jabatan Imigresen Malaysia.

"Perkara ini (semakan) ini akan ambil sedikit masa," katanya.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan, polis menggempur empat premis hiburan milik warga asing di Kompleks Wilayah dengan 38 individu ditahan selepas didapati melanggar pelbagai kesalahan imigresen.

Pada serbuan awal pagi itu, polis turut memeriksa 34 wanita disyaki penari yang juga pelayan pelanggan (GRO) di keempat-empat pusat hiburan terbabit.